



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE TERNAKAN AKUAKULTUR PULAU PINANG

10 JULAI, PULAU PINANG – Jabatan Perikanan Malaysia telah mengatitkan satu lawatan kerja Yang Berhormat Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ke pusat ternakan akuakultur di Pulau Pinang. Terdapat 555 penternak akuakultur pada tahun 2022 di Pulau Pinang melibatkan kawasan ternakan seluas 1,544.51 hektar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata, Daerah Seberang Perai Selatan menyumbang hasil akuakultur terbesar bagi Negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 35,464 tan metrik melalui hasil ternakan kolam air payau (70%). Manakala, Daerah Timur Laut telah menyumbang sebanyak 3,488 tan metrik pengeluaran akuakultur, diikuti Daerah Seberang Prai Tengah 2,554 tan metrik, Daerah Barat Daya 1,573 tan metrik dan Seberang Prai Utara 1,379 tan metrik.

Melalui rekod Jabatan Perikanan Malaysia, Ikan Siakap merupakan ternakan akuakultur yang paling banyak dikeluarkan iaitu 29,770 tan metrik pada tahun 2022. Ternakan lain seperti ikan keli (2,691 tan metrik), Jenahak (2,089 tan metrik), Merah (2,009 tan metrik) dan lain-lain yang menyumbang kepada 100 – 1,000 tan metrik. Keseluruhan hasil ternakan akuakultur Pulau Pinang bagi tahun 2022 telah menyumbang RM 658 juta kepada ekonomi negara.

Negeri Pulau Pinang turut menyumbang kepada pengeluaran udang putih negara sebanyak 1,233 tan metrik dengan nilai RM 32 juta. Seramai 11 penternak udang putih di negeri tersebut yang mengusahakan ternakan udang putih di kolam ternakan seluas 12.8 hektar.

Chan dalam lawatan kerja ke Pulau Pinang telah meluangkan masa ke ladang ternakan benih ikan dan udang bersama pegawai-pegawai Jabatan Perikanan. Beliau turut berkesempatan beramah mesra bersama persatuan penternak Pulau Pinang.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : ukk@dof.gov.my; pro@dof.gov.my